

# SASTERA MELAYU KE ARAH PERADABAN BARU DALAM ERA K-EKONOM<sup>1</sup>

*oleh*

**Dr. Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah  
(Brunei Darussalam)**

## **Pengenalan**

*Konsep K-ekonomi* atau ekonomi pengetahuan ialah ekonomi baru yang boleh diertikan sebagai peningkatan kandungan "k" (*know-ledge*) atau pengetahuan dalam semua sektor ekonomi dan industri berteknologi yang tujuan utamanya membawa kepada peningkatan produktiviti, pendapatan lebih tinggi serta taraf hidup yang lebih baik. Pengetahuan yang perlu ditingkatkan dalam K-ekonomi adalah yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) seperti komputer, e-mel, internet, mesin faksimile, telefon bimbit, dan seumpamanya. Sastera Melayu pula adalah hasil tulisan karya yang berbentuk kreatif yang ditulis dengan menggunakan bahasa Melayu dan isinya pula kebanyakannya melibatkan hal-hal atau persoalan kemanusiaan.

Berdasarkan fahaman di atas, jelas menunjukkan bahawa K-ekonomi tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan sastera Melayu. Bagaimanapun, masyarakat dunia pada abad ini, terutamanya negara-negara maju telah menggunakan K-ekonomi dalam memajukan atau meningkatkan pendapatan mereka. "Jumlah keseluruhan peralatan capaian internet di seluruh dunia telah meningkat kepada 260 juta unit pada tahun lalu, iaitu pertambahan 90 juta unit setiap tahun. Manakala pengguna internet di seluruh dunia pula, kini dianggarkan berjumlah 300 juta dan dijangkakan meningkat dua kali ganda

---

<sup>1</sup> Seminar Bahasa dan Sastera, sempena Sidang Ke-40 MABBIM dan Sidang ke-6 MASTERA, Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru, Johor, 12 -13 Mac 2001.

menjelang tahun 2003".<sup>2</sup> Sebagai warga dunia, orang Melayu juga tidak terlepas daripada dipengaruhi oleh perkembangan ICT tersebut. Senario ini, baik secara langsung atau tidak langsung telah mempengaruhi cara hidup orang Melayu. Orang Melayu tidak mempunyai pilihan dan terpaksa menerima realiti untuk, menjadi warga K-ekonomi tersebut. Sebagai warga dunia K-ekonomi, orang Melayu secara beransur-ansur mesti celik dengan revolusi ICT demi membantu meningkatkan produktiviti, pendapatan lebih tinggi serta taraf hidup yang lebih baik selari dengan kemajuan dunia pada masa ini. Dengan pengetahuan ICT yang meluas dalam masyarakat Melayu itu nanti, maka penulis, pembaca, penggiat, penyebar, dan penyimpan karya sastera Melayu akan dapat menggunakan pengetahuan tersebut untuk memberikan wajah baru kepada perkembangan sastera Melayu.

Perkembangan sastera Melayu itu berkait rapat dengan perkembangan penggunaan bahasa Melayu itu sendiri. Bahasa Melayu ialah bahasa yang terbesar di Asia Tenggara dengan jumlah penuturnya kira-kira 240 juta orang, tetapi terdapat keluhan yang menyuarakan kebimbangan tentang kecenderungan orang Melayu pada masa ini yang lebih suka berbahasa Inggeris di pejabat atau di luar pejabat, terutamanya di dalam rumah yang secara tidak langsung memberikan didikan kepada anak-anak tentang ketidakpentingan bahasa Melayu tersebut. Masyarakat Melayu, terutamanya para belia dikatakan lebih selesa berbahasa Inggeris daripada berbahasa Melayu, dan walaupun mereka berbahasa Melayu, mereka masih mencampuradukkan dengan bahasa Inggeris. Seolah-olah bahasa Melayu tidak mampu bagi menyatakan sesuatu pemikiran dan perasaan. Padahal bahasa Melayu pernah menjadi bahasa lingua franca masa yang lalu. Lantas ada suara yang mengumpamakan bahasa Melayu sebagai "permata yang tersisih".<sup>3</sup> Jika fenomena yang digambarkan di atas benar dan berlanjutan, maka saya rasa apa yang dinamakan "Sastera Melayu" itu tidak akan wujud : jika seandainya sastera Melayu itu masih dianggap sebagai karya yang ditulis dalam bahasa Melayu. Dalam perkembangan ICT, bahasa Inggeris

---

<sup>2</sup> *Komputer, Berita Harian*, Rabu, 10 Januari 2001.

<sup>3</sup> *Pelita Bahasa*, September 2000, Wm. 4.

tetap digunakan sebagai bahasa pengantara. Orang Melayu yang ingin bersaing di pasaran global haruslah menguasai bahasa Inggeris kerana tanpa bahasa Inggeris, orang Melayu akan tertinggal di belakang dalam segala bidang, ternamanya dalam bidang ekonomi. Berdasarkan kesedaran pentingnya bahasa Inggeris dikuasai sebagai bahasa perhubungan antarabangsa, dikhuatiri pula orang Melayu akan lalai dan tanpa :edar penggunaan bahasa Melayu akan mati. Apabila hal ini terjadi ianya akan menjejaskan penciptaan dan penyebaran sastera Melayu itu sendiri. Kertas kerja ini akan cuba melihat perkembangan kesusasteraan Melayu dalam era K-ekonomi secara umum dari segi penciptaan, penyebaran dan pendokumentasian. Adakah era K-ekonomi tersebut membawa peradaban baru dalam bidang yang disebutkan itu tadi? Apakah sastera Melayu yang menuju peradaban baru akan mengalami perubahan yang positif atau negatif?

### **Penghasilan Karya Sastera**

Malaysia telah menampakkan kecenderungan ke arah K-ekonomi dengan meningkatnya promosi, penggunaan ICT dan penubuhan Koridor Raya Multimedia. Di Singapura, pada masa ini, setiap rumah dihubungkan dengan kabel dan semua sekolah mempunyai komputer persendirian dengan kadar satu komputer untuk dua orang.<sup>4</sup> Di Indonesia juga memperlihatkan pesatnya perkembangan pengetahuan ICT, misalnya dari segi penggunaan internet. Penggunaan internet di Indonesia telah meningkat sebanyak 180 peratus pada tahun lalu berbanding dengan 115 peratus di Singapura dan hanya 90 peratus di Malaysia.<sup>5</sup> Begitu juga di Brunei, penggunaan internet telah meningkat dan kebanyakan sekolah, terutamanya di kawasan bandar telah dilengkapi dengan beberapa buah komputer, demikian juga rumah persendirian. Melihat kepada hakikat tersebut, penggunaan komputer dalam masyarakat Melayu nampaknya akan menjadi lumrah seperti juga penggunaan telefon dan televisyen.

---

<sup>4</sup> Profesor Cham Tao Soon, The President of Nanyang Technological University (NTU) Singapore. *The Bangkok Post*, Sunday 28 November 1999.

<sup>5</sup> *Berita Harian*, Rabu, 10 Januari 2001.

Dalam menuju peradaban baru tersebut, satu soalan yang mungkin dapat ditimbulkan, iaitu apakah jenis sastera yang sesuai bagi masyarakat Melayu? Tentunya tidak mudah untuk menjawab soalan ini, kerana "seorang pengarang sebagai pencipta karya sastera sebenarnya sentiasa berada di tengah proses. Perjalanannya tidak akan usai sebelum dia menutup usia atau menyatakan berhenti menjadi seorang yang kreatif",<sup>6</sup> dan jika diberikan jawapan, tentunya penjelasan yang diberikan adalah berbeza-beza di antara seorang pengarang dengan pengarang yang lain. Mungkin hanya pembaca sahaja yang menentukan apakah jenis sastera yang mereka inginkan kerana "mereka mempunyai selera peribadi dan keinginan yang nyata terhadap karya sastera".<sup>7</sup> Tetapi, pada umumnya sesuatu yang baru akan menjadi idaman atau tujuan kebanyakan orang. Jadi diharapkan dalam era tersebut adanya perubahan ke arah yang lebih baik sesuai dengan tuntutan karya sastera sebagai sebuah karya kreatif.<sup>8</sup>

Perkembangan ilmu pengetahuan khususnya pengetahuan tentang ICT, menjadikan penulis-penulis terdedah kepada perkembangan karya-karya sastera dunia yang bermutu dan baru. Pendedahan yang sedemikian tentunya akan menyebabkan sebahagian penulis sedar dan peka terhadap perubahan atau kemajuan dalam penulisan karya sastera misalnya dari segi gaya penulisan. Gaya penulisan karya sastera bermula daripada gaya klasisisme ke gaya romantisisme, dan kemudian berubah kepada gaya moden seperti realisme dan naturalisme, dan seterusnya aliran gaya mutakhir seperti realisme magis, absurdisme, surrealisme, superrealisme, pascamodenisme,

---

<sup>6</sup> Abdul Hadi W.M. "Sastera Apakah Yang SeSuai Untuk Zaman Ini?", *Dewan Sastera*, Februari 1987, him. 23

<sup>7</sup> Ibid., hlm. 25.

<sup>8</sup> Kreatif bererti mencipta (menghasilkan, mengembangkan) sesuatu (*Kamus Dewan*, 1984:608). Memang mencipta sesuatu cerpen atau novel yang baru adalah juga salah satu kerja kreatif. Tetapi kerja kreatif bukan itu sahaja. Ia juga bererti menciptakan sesuatu yang baru, misalnya cerpen atau novel dengan gaya baru yang lain daripada gaya-gaya yang ada.

postmodernisme dan lain-lain. Oleh yang demikian, penulis-penulis yang dimaksudkan akan sentiasa berusaha mencipta karya sastera dengan gaya yang baru yang lain daripada gaya-gaya yang ada atau yang telah biasa digunakan.

Penulis-penulis Melayu mestilah dinamik, sentiasa memajukan diri mereka dengan menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baru sesuai dengan perkembangan ICT dalam era K-ekonomi tersebut. Bagi menghasilkan gaya baru dalam penulisan, mereka mestilah membuat eksperimen-eksperimen tertentu untuk mendapatkan keindahan sesuatu karya sastera yang antara syaratnya mestilah mempunyai keragaman, keseimbangan dan keharmonian.<sup>9</sup> Dengan adanya kesedaran untuk maju dan mahu dihormati oleh dunia dalam bidang penulisan seperti negara-negara yang penulisnya telah diberikan Hadiah Nobel misalnya Nigeria, Mesir, India, Jepun, China dan lain-lain, para penulis mesti meninggalkan gaya penulisan lama khususnya gaya romantisme, iaitu gaya penulisan abad ke-18 yang pada masa ini masih lagi digunakan oleh kebanyakan penulis-penulis Melayu. Oleh itu, para penulis harus menciptakan gaya yang menyendiri atau bereksperimen untuk menciptakan gaya yang sedemikian.

Di Negara Brunei Darussalam misalnya, terdapat segolongan penulis yang tidak mahu pembaharuan, sebaliknya masih bertahan dengan gaya penulisan konvensional, iaitu gaya romantisme walaupun gaya penulisan tersebut sudah lapuk dan mati. Karya sastera gaya konvensional juga indah, tetapi karya yang mempunyai gaya baru juga indah malah lebih menonjol serta menepati salah satu ciri karya seni, iaitu pembaharuan gaya terus-menerus. Jadi, dalam era K-ekonomi, diharapkan sastera Melayu tidak diikat atau dikongkong oleh gaya romantisme, sebaliknya berwajah baru dengan terciptanya gaya aliran-aliran

---

<sup>9</sup> Lutfi Abas, Cerpen Eksperimen. *Bahana*, Jun 1990.

baru yang bercorak kemelayuan, misalnya aliran realisme pantun<sup>10</sup> dan seumpamanya. Bagaimanapun, ketaatan penulis terhadap gaya penulisan konvensional yang dipegangnya memang mempunyai alasan yang tersendiri dan harus dihormati, tetapi pada masa yang sama dalam era K-ekonomi ini, kita mahu adanya sekelompok penulis yang kreatif yang berusaha menghasilkan penulisan gaya baru, yang boleh mengangkat martabat atau harga diri bangsa Melayu yang berjumlah lebih kurang 240 juta tersebut. Kelihatannya dunia menyanjung tinggi karya sastera yang ditulis dengan gaya baru yang lain daripada gaya yang sudah ada atau gaya konvensional, yang menjadikan kebanyakan (tidak semua) penerima Hadiah Nobel untuk kesusasteraan adalah terdiri daripada "penyelidik-penyelidik", modenis dan "pakar-pakar menyendiri"<sup>11</sup> kata Kjell Espmark, iaitu salah seorang ahli Akademi Swedia yang memberikan Hadiah Nobel itu." Hal yang sama dikatakan lagi oleh Setiausaha Tetap Akademi Swedia, Horace Engdahl, yang menganggap kemenangan penulis Cina, Gao Xiang Jian mendapat Hadiah Nobel 2000 bagi kesusasteraan adalah disebabkan oleh Gao ialah *pembaharu* prosa dan drama serta mempunyai ilmu pengetahuan sejagat untuk disajikan kepada pembaca di seluruh dunia.<sup>12</sup>

Dari segi tema atau persoalan, ada yang mengatakan bahawa keduanya adalah sama sahaja sejak abad yang pertama lagi sehingga sekarang, dan cuma perbezaannya hanyalah dari segi watak dan latar. Watak yang dibawakan oleh penulis-penulis dalam era tersebut, tentunya tentang manusia-manusia dalam dunia ekonomi baru yang berlumba-lumba meningkatkan produktiviti, pendapatan dan taraf hidup yang lebih tinggi. Dalam suasana yang disebutkan, mungkin memberikan peluang lebih besar kepada orang Melayu

---

<sup>10</sup> Diusulkan oleh Lutfi Abas (lihat *Dewan Sastera*, Januari 86:45 - 47; Mac 86:50 - 52; November 89:18 - 23; dan *Bahana*, Oktober 87:2 -16, Jun 90:10 -16).

<sup>11</sup> *The Straits Times*, 18 November 1986, hlm.1 (lihat Lutfi Abas, Cerpen Eksperimen, *Bahana*, Jun 1990).

<sup>12</sup> *Dewan Sastera*, November 2000, hlm. 36.

menjadi kaya, yang sekali gus dapat merubah persepsi orang Melayu terhadap orang kaya seperti yang digambarkan dalam tema pada kebanyakan karya sastera sebelum ini, iaitu orang kaya berhati busuk, jahat, kedekut, jahil tentang agama, tidak bertimbang rasa dan sebagainya. Sementara orang miskin pula berhati mulia, baik, taat kepada suruhan Tuhan atau agama, sabar dan `seumpamanya, yang sekali gus secara tidak langsung mungkin melemahkan semangat atau hasrat orang Melayu untuk maju, terutamanya dalam bidang ekonomi. Anggapan yang sedemikian mungkin tidak sesuai lagi dalam peradaban baru dunia sastera. Perubahan watak dan perwatakan dalam K-ekonomi diharapkan dapat menjadikan orang Melayu tidak memandang negatif terhadap orang kaya dan berusaha menjadi kaya. Tentulah dalam usaha mengejar kekayaan tersebut, masa semakin berharga dan waktu terluang semakin kurang. Ruang untuk membaca karya sastera Melayu juga semakin sempit dan dalam hal ini, penulis-penulis harus peka dan menyedari bahawa karya sastera tanpa khalayak mungkin tidak bererti. Penulis harus memikirkan langkah-langkah yang sesuai supaya mengatasi masalah tersebut. Misalnya mencipta karya sastera yang pendek bagi memudahkan khalayak membaca dalam waktu mereka yang terhad. Tetapi dalam hal yang lain pula, ada yang mengatakan bahawa cara tersebut adalah tidak ajar kerana penulis seolah-olah tidak bebas, dan harus tunduk pada desakan khalayak. Hal ini mungkin menjadi penghalang pada penulis untuk berkreatif, dan mencipta gaya-gaya baru dalam penulisan. Bagaimanapun, dalam era K-ekonomi, kita tidak dapat - memaksa khalayak untuk membuka laman web atau internet dan menyuruh mereka membaca cerpen atau novel yang terdapat di dalamnya. Biasanya dalam sesebuah masyarakat atau negara, terdapat sekelompok kecil khalayak yang berminat terhadap sesuatu bidang misalnya terhadap karya-karya sastera Melayu. Jadi, kita berharap kepada kelompok yang kecil ini sahajalah yang melahirkan penulis yang dapat mengangkat sastera kita (sastera Melayu) supaya dipandang tinggi oleh dunia.

---

Dalam kepesatan pertumbuhan penduduk dunia pada masa ini khususnya negara Melayu, satu masalah yang mungkin timbul ialah dari segi kemampuan dan sikap penulis dan khalayak terhadap kemajuan ICT. Adakah semua penulis atau khalayak mampu memiliki komputer atau celik komputer? Adakah penulis atau khalayak mempunyai pengetahuan ICT tersebut? Adakah penulis mempunyai sikap positif terhadap perubahan-perubahan atau kemajuan yang diberi atau diperkenalkan? Persoalan ini serba sedikit mempengaruhi perkembangan sastera Melayu seperti yang diharapkan.

Masyarakat Melayu yang mempunyai pendapatan rendah, terutamanya mereka yang tinggal di luar bandar, tentunya tidak mempunyai peluang untuk menggunakan kemudahan tersebut disebabkan tidak mampu atau tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Di samping itu terdapat juga penulis yang mampu tetapi tidak berminat terhadap penggunaan komputer dengan alasan mereka sudah terbiasa dengan mesin taip dan seronok mendengar bunyinya sehingga ada penulis yang mengatakan bunyi mesin taip itu dapat menimbulkan ilham kepada mereka. Bagaimanapun pada masa ini, bilangan penulis yang sedemikian jumlahnya tentunya sedikit atau mungkin tidak ada langsung.

### **Penyebaran Karya Sastera**

Penghasilan manuskrip Melayu tulisan Jawi dikatakan bermula setelah kedatangan Islam dan kemudian disebar oleh penulis-penulis atau penyalin-penyalin manuskrip yang biasanya terdiri daripada penulis atau penyalin istana, misalnya Tun Seri Lanang yang menulis/menyalin *Sejarah Melayu*, atau penulis agama seperti Dato Iman Yakub yang menulis *Silsilah Raja-Raja Brunei*. Kemudiannya kemahiran menulis/menyalin tidaklah hanya terbatas kepada orang-orang tersebut, malah kemahiran menulis/menyalin juga dimiliki oleh rakyat biasa misalnya, Dayang Kambar (orang biasa) adalah dikatakan empunya/penulis/penyalin salah sebuah versi manuskrip *Syair Rajang*.<sup>13</sup> Setelah itu muncul pula mesin taip dan mesin cetak. Dengan adanya mesin



cetak, maka aktiviti menyalin kurang dipraktikkan lagi kerana mesin cetak telah menggantikan tugas penyalin-penyalin serta dapat menjimatkan tenaga dan dapat memperbanyak salinan dengan cepat. Dengan adanya mesin taip menyebabkan kerja-kerja penulisan lebih baik, kemas dan dapat dicetak, dan dijadikan buku serta disebar dengan mudah. Apabila komputer diperkenalkan, sekali gus telah memberikan satu lagi peradaban baru dalam perkembangan sastera Melayu. Melalui komputer, karya-karya sastera yang ditulis dapat diedit dengan mudah dan disebar melalui internet, e-mel, faks dan seumpamanya. Dengan kemajuan tersebut, karya sastera dapat disebar ke seluruh dunia dalam masa yang singkat dan terus sampai (tidak ada sekatan) kepada khalayak. Melalui teknologi ini juga penyebaran karya sastera tidak lagi memerlukan kertas dan penulis atau pembaca tidak lagi memerlukan wang untuk mencetak atau membeli buku.

Sehubungan dengan kemajuan ICT yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantara, maka diharapkan dalam era h-ekonomi ini akan lahir beberapa orang penterjemah yang berminat tentang sastera Melayu. Penyebaran sastera ke seluruh dunia melalui kemudahan ICT tidak akan memberi kesan yang besar jika sekiranya karya-karya kita tidak dapat dibaca oleh kebanyakan warga dunia. Oleh itu penterjemahan karya sastera Melayu ke dalam bahasa Inggeris adalah penting walaupun ada yang berpendapat bahawa cara tersebut akan mengurangkan keaslian karya dan seninya. Diperkirakan bahawa dengan cara atau usaha yang sedemikian sahajalah kita dapat menyetengahkan atau mengangkat sastera Melayu. Misalnya baru-baru ini, penulis Cina iaitu Gao Xiang Ran telah dianugerahi Hadiah Nobel setelah novelnya *Lingshan* diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan tajuk *Soul Mountain*. Salah satu ciri yang mengangkat novelnya ialah ketiadaan cerita utama di dalamnya. Watak "I" berkomunikasi dengan watak "You" (*alter ego*) tetapi tidak ada hubungan cerita di antara satu bab dengan bab yang lain. Ciri ini sebenarnya telah ada dalam beberapa buah karya sastera kita tetapi kerana

---

<sup>13</sup> Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah, "Syair **Rajang**: Penyelenggaraan dan Analisis Teks", Tesis Ph. D. 1999. Universiti Kebangsaan a Malaysia.

tidak diterjemahkan, menyebabkan khalayaknya agak terhad dan tidak mendapat penilaian yang sewajarnya. Misalnya, novel A4 oleh Mussidi mempunyai ciri yang sedemikian, iaitu tidak ada penumpuan cerita. Cerita dimulakan tentang perihal seorang "lelaki buntak" yang berkerja di tingkat 101, dan kemudian diceritakan pula tentang kepentingan "tahi cicak" yang dilihat dari segi saintifik secara terperinci, dan seterusnya diceritakan pula tentang Jabatan Binatang-Binatang dan Tumbuh-Tumbuhan Pupus, dan lain-lain. Selain daripada novel A4, terdapat beberapa buah lagi novel eksperimen di Brunei misalnya, *Tum!* karya Mussidi; *Mangsa, Pamor* dan *Sumbangsih Seni* karya Rahimi A.B.; *Janji Gintamini* karya Purdano Binchin; *Desa Pinggir Laut* karya Bujang Matnor; dan *Hidup Ke-2* oleh Norsiah M.S. Penciptaan novel-novel eksperimen ini adalah bertujuan untuk menciptakan gaya-gaya baru sesuai dengan wujudnya sebagai sebuah karya kreatif di samping mengharapkan supaya sastera Melayu dinilai sebagai salah sebuah sastera besar di dunia, kerana "tidak mustahil negara kecil menghasilkan sastera yang besar".<sup>14</sup>

## **Pendokumentasian**

Dengan adanya kemajuan ICT, manuskrip-manuskrip Melayu yang dianggarkan sekitar 15 000 naskhah itu<sup>15</sup> boleh diinputi ke dalam komputer dengan menggunakan pengimbas. Perpustakaan-perpustakaan yang menyimpan manuskrip Melayu lama bolehlah memasukkan manuskrip-manuskrip tersebut ke dalam pangkalan *data* atau laman web. Dengan cara sedemikian, pengkaji dan peminat sastera Melayu di seluruh dunia, terutamanya pusat-pusat pengajian Melayu seperti di London, Jerman, Perancis, Beijing dan seumpamannya akan

---

<sup>14</sup> A. Samad Said, *Dewan Sastera*, Jun 1987, hlm. 32.

<sup>15</sup> Harun Mat Piah, "Kesusasteraan Melayu dan Kesusasteraan Brunei Darussalam: Suatu Pengenalan Konseptual", *Pangsura* Bil.I Jilid I, Julai Disember 1995. Ismail Hussein pula mengatakan kira-kira 5000 naskhah manuskrip dalam koleksi dunia di seluruh Nusantara. (*The Study of Traditional Malay Literature-With Selected Bibliography*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974).

dapat membaca dan meneliti manuskrip-manuskrip tersebut tanpa perlu pergi ke perpustakaan-perpustakaan yang berkenaan. Melalui kemudahan mesin pengimbas, bentuk tulisan manuskrip Melayu lama yang hampir semua ditulis dalam tulisan Jawi dapat dilihat dengan jelas, dan pengkaji atau peminat sastera dengan mudah dapat membuat kajian tentang pelbagai bentuk tulisan.

### **Suatu Impian**

Menurut kajian terbaru yang dijalankan oleh *Persekutuan Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Dunia (WISTA)*, didapati bahawa perbelanjaan ICT dunia melebihi RM8 trilion pada tahun 1999 dan dijangka melebihi RM11.4 trilion menjelang tahun 2003`. Kajian yang dimuatkan dalam Laporan *Digital Planet 2000: Ekonomi Maklumat Global* pula mendapati bahawa industri ICT dunia telah berkembang dua kali ganda di antara tahun 1992 hingga tahun 2001, iaitu daripada RMS trilion kepada RM9 trilion.<sup>16</sup> Perkembangan yang demikian menunjukkan bahawa kemajuan sains dan teknologi berkembang pesat, terutamanya dalam industri ICT. Oleh itu diharapkan pada suatu masa nanti akan tercipta pula satu program komputer yang dapat menukarkan sistem ejaan daripada satu bahasa ke satu bahasa, dan daripada satu bentuk tulisan ke satu bentuk tulisan yang lain.

Jika harapan ini menjadi kenyataan, karya sastera kita akan dapat ditukarkan ke dalam berbagai-bagai bahasa di dunia, terutamanya bahasa Inggeris yang telah menjadi bahasa perhubungan global. Dengan penukaran itu, masyarakat dunia akan dapat mengetahui perkembangan dan kemajuan sastera kita. Begitu juga dengan manuskrip Melayu yang ditulis dalam tulisan Jawi akan dapat ditransliterasikan ke dalam tulisan Rumi. Dengan pertukaran sedemikian, para pengkaji atau peminat karya sastera tradisional Melayu, terutamanya yang kurang mahir dengan tulisan Jawi akan dapat membaca atau menikmati dengan mudah serta membuat kajian terhadap manuskrip-

---

<sup>16</sup> *Komputer, Berita Harian*, 8 Januari 2001, hlm. 7.

manuskrip Melayu lama, khususnya bagi mengetahui pemikiran masyarakat Melayu lama yang terpancar daripada manuskrip-manuskrip tersebut.

## **Penutup**

Sastera Melayu era K-ekonomi akan menuju peradaban baru apabila penulis-penulis dan khalayak yang mempunyai pengetahuan ICT, sedar dan peka terhadap perlunya pembaharuan, terutamanya dari segi gaya penulisan yang sesuai dengan kemajuan ICT tersebut. Karya sastera Melayu pula dapat disebarkan melalui kemudahan ICT dengan cepat dan murah tanpa perlu dicetak dalam bentuk buku dan khalayaknya pun bertambah luas. Selain itu, akan muncul lebih ramai penterjemah yang berminat menterjemah karya sastera Melayu ke dalam bahasa Inggeris yang sekali gus dapat membantu menengahkan sastera kita ke masyarakat dunia.

Di samping itu, terdapat juga beberapa keburukan, terutamanya kepada penulis atau khalayak yang akan menerima apa sahaja maklumat tanpa batas dan sekatan sehingga memungkinan khalayak menerima pengaruh negatif yang boleh merosakkan. Sehubungan dengan itu, ada yang mengatakan bahawa "dunia tanpa sempadan, ialah dunia pengetahuan atau kemusnahan", "dunia globalisasi ialah dunia ICT yang warganya tidak ada identiti atau jati diri". Bagaimanapun, dunia K-ekonomi merupakan dunia yang diharapkan dapat memberi manusia kesejahteraan hidup.